NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG – BN UMNO]**
TARIKH	:	**7 OGOS 2017**
SOALAN	:	**19**

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keselamatan dan kawalan sistem siber di dalam negara terhadap ancaman virus terkini iaitu "Wanna Cry" yang mampu menjejaskan jaringan dan sistem komputer. Adakah teknologi siber sedia ada seiring dengan peredaran teknologi semasa.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara umumnya, tahap keselamatan dan kawalan sistem kritikal negara adalah terkawal. Insiden serangan siber "Ransomware Wannacry" yang berlaku baru-baru ini tidak memberi impak kepada sistem agensi-agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII).

Teknologi siber yang digunakan oleh agensi-agensi CNII setakat ini adalah seiring dengan peredaran teknologi semasa. Namun begitu, ia masih perlu dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Agensi-agensi CNII ini telah dinasihatkan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan memperoleh teknologi terkini serta meningkatkan tahap keselamatan bagi menghadapi sebarang ancaman siber.

Sekian, terima kasih.